

**GARIS PANDUAN
LEMBAGA KAUNSELOR (MALAYSIA)**



**GARIS PANDUAN
PROGRAM PERKEMBANGAN
PROFESIONAL BERTERUSAN
KAUNSELOR BERDAFTAR**

GARIS PANDUAN
LEMBAGA KAUNSELOR (MALAYSIA)



PEMBEKAL LATIHAN

KANDUNGAN

Kandungan.....	i
Kata Pengantar Presiden Lembaga Kaunselor.....	ii
Pengenalan.....	iii
1.0 Pendahuluan.....	1
2.0 Perakuan Pembekal Latihan.....	1
2.1 Kategori Pembekal Latihan.....	1
2.2 Syarat-Syarat bagi Pembekal Latihan.....	2
2.3 Prosedur Permohonan Pendaftaran Pembekal Latihan.....	3
2.4 Prosedur Permohonan Pembaharuan Pendaftaran Pembekal Latihan.....	4
3.0 Perakuan Program Perkembangan Profesional Berterusan Kaunselor Berdaftar.....	5
3.1 Kategori Program.....	5
3.2 Syarat-Syarat bagi Perakuan Program.....	5
3.3 Prosedur Permohonan Perakuan Program.....	6-7
4.0 Faedah Pendaftaran sebagai Pembekal Latihan dan Perakuan Program.....	8
5.0 Penutup.....	8
Lampiran	
• Borang LK/CPD 1.....	9
• Borang LK/CPD 2.....	10
• Borang LK/CPD 2(A).....	11-12
• Borang LK/CPD 3.....	13
• Borang LK/CPD 5.....	14

KATA PENGANTAR

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurniaNya, kita masih diberi ruang dan peluang oleh Allah S.W.T. untuk terus memberi khidmat kepada masyarakat dan negara kita tercinta.

Program Perkembangan Profesional Berterusan bagi kaunselor berdaftar adalah usaha bersepadu Lembaga Kaunselor bagi memastikan kaunselor berdaftar membekalkan diri mereka dengan ilmu pengetahuan, kemahiran dan amalan profesional melalui program-program latihan yang terancang dan sistematik bagi memastikan kaunselor berdaftar sentiasa dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik, secara profesional dan beretika kepada masyarakat.

Bagi melengkapkan kaunselor berdaftar dengan ilmu pengetahuan, kemahiran dan amalan profesional terkini, Lembaga Kaunselor melantik dan memperakukan organisasi-organisasi atau agensi-agensi yang berkelayakan sebagai Pembekal Latihan bagi melaksanakan latihan kepada kaunselor berdaftar di bawah Program Perkembangan Profesional Berterusan Kaunselor Berdaftar.

Justeru itu, saya mempelawa organisasi-organisasi atau agensi-agensi yang berkelayakan untuk menjadi Pembekal Latihan bagi melaksanakan latihan kepada kaunselor berdaftar di bawah Program Perkembangan Profesional Berterusan Kaunselor Berdaftar.

Akhir sekali, saya mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga di atas sokongan berterusan yang tidak berbelah-bagi daripada semua pihak untuk terus memartabatkan profesion kaunseling yang merupakan wadah penting dalam membantu kesejahteraan masyarakat dan keharmonian negara kita yang tercinta.

Sekian, terima kasih.

Profesor Madya Dr. Wan Marzuki bin Wan Jaafar
Presiden
Lembaga Kaunselor (Malaysia)

PENGENALAN

Pelaksanaan Program Perkembangan Profesional Berterusan kaunselor berdaftar melibatkan tiga (3) komponen utama iaitu:

Pembekal Latihan Yang Diperakukan (*Certified Training Provider*)

Untuk melengkapkan kaunselor berdaftar dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran terkini, Lembaga Kaunselor akan melantik dan memperakukan organisasi-organisasi atau agensi-agensi yang berkelayakan sebagai Pembekal Perkhidmatan bagi melaksanakan latihan kepada kaunselor berdaftar di bawah Program Perkembangan Profesional Berterusan Kaunselor Berdaftar.

Program-program anjuran Pembekal Latihan yang Diperakukan.

Pembekal Perkhidmatan yang ingin melaksanakan latihan kepada kaunselor berdaftar di bawah Program Perkembangan Profesional Berterusan Kaunselor Berdaftar hendaklah mendapatkan sijil perakuan program daripada pihak Lembaga Kaunselor sebelum melaksanakan program. Sekiranya sesuatu program itu telah diperakukan, pembekal latihan bolehlah menganjurkan latihan tersebut mengikut terma dan syarat yang telah ditetapkan oleh Lembaga Kaunselor.

Pengumpulan mata Program Perkembangan Profesional Berterusan Kaunselor Berdaftar
Lembaga Kaunselor akan menguatkuasakan sistem pengumpulan mata Program Perkembangan Profesional Berterusan Kaunselor Berdaftar mulai **3 Oktober 2017** sebagai syarat untuk memperbaharui Perakuan Amalan Dwitahunan Kaunselor Berdaftar.

Lembaga Kaunselor (Malaysia)

1.0 PENDAHULUAN

1.1 Program Perkembangan Profesionalisme Berterusan (PPB) Kaunselor Berdaftar merupakan komitmen Lembaga Kaunselor bagi memastikan kaunselor berdaftar melengkapkan diri atau dilengkapkan dirinya dengan pengetahuan profesional, kemahiran profesional dan nilai serta amalan profesional melalui program latihan yang terancang dan sistematik secara berterusan.

1.2 Panduan Perakuan Pembekal latihan ini diperkenalkan bagi tujuan untuk menjelaskan proses memperakukan agensi-agensi kerajaan, dan bukan kerajaan yang berkelayakan sebagai pembekal latihan program PPB.

1.3 Panduan ini diperkenalkan bertujuan untuk menjelaskan proses memperakukan program yang akan disediakan oleh pembekal latihan bagi membolehkan kaunselor berdaftar mengumpul mata PPB.

2.0 PERAKUAN PEMBEKAL LATIHAN BAGI MELAKSANAKAN PROGRAM PERKEMBANGAN PROFESIONAL BERTERUSAN KAUNSELOR BERDAFTAR

2.1 Kategori Pembekal Latihan

2.1.1 Agensi Kerajaan

Agensi kerajaan merangkumi Kementerian, Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri, Badan Berkanun dan Universiti Awam.

2.1.2 Agensi Bukan Kerajaan

Agensi Bukan Kerajaan merangkumi Syarikat Swasta, Badan Bukan Kerajaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), Syarikat Milik Kerajaan, Badan Tidak Berkanun dan Universiti Swasta.

2.2 Syarat-Syarat Bagi Pendaftaran Pembekal Latihan

2.2.1 Pendaftaran pembekal latihan hanya dikenakan kepada agensi bukan kerajaan.

2.2.2 Permohonan pendaftaran sebagai pembekal latihan hendaklah dibuat kepada Lembaga Kaunselor.

2.2.3 Pembekal Latihan yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) perlu mengemukakan salinan profil syarikat, salinan sijil pendaftaran SSM dan salinan perakuan kod bidang perkhidmatan yang disediakan.

2.2.4 Pembekal Latihan yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia perlu mengemukakan salinan profil pertubuhan dan salinan sijil pendaftaran pertubuhan.

2.2.5 Semua permohonan pendaftaran perlu disertakakan dengan fi seperti yang ditetapkan.

2.2.6 Sijil pendaftaran pembekal latihan hanya sah untuk tempoh satu (1) tahun dari tarikh kelulusan. Pembekal Perkhidmatan perlu membuat permohonan pembaharuan pendaftaran selepas tamat tempoh masa yang telah ditetapkan.

2.2.7 Pembekal latihan yang telah diperakukan perlu menandatangani Borang Syarat-Syarat Pembekal Latihan Program Perkembangan Profesional Berterusan Kaunselor Berdaftar (LK/CPD 3).

2.3 Prosedur Permohonan Pendaftaran Pembekal Latihan

2.3.1 Setiap permohonan pendaftaran pembekal latihan perlu mengikut prosedur berikut:

- i. Menggunakan **Borang LK/CPD 1** yang boleh dimuat turun di portal Lembaga Kaunselor www.lkm.gov.my.
- ii. Borang permohonan perlu disertakan dengan dokumen berkaitan.
- iii. Permohonan hendaklah **disertakan dengan Fi pendaftaran berjumlah RM300 (Ringgit: tiga ratus sahaja, termasuk fi proses RM50)**. Pembayaran boleh dibuat kepada Lembaga Kaunselor melalui pindahan wang secara elektronik atau cek syarikat ke akaun **Lembaga Kaunselor CIMB 8000273435**. Bukti pembayaran fi pendaftaran perlu dikemukakan bersama borang permohonan.
- iv. Permohonan lengkap hendaklah dihantar kepada Lembaga Kaunselor di alamat berikut:

□ Lembaga Kaunselor
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
Aras 19, No. 55, Persiaran Perdana Presint 4
62100 Putrajaya

atau

Faks: 03-83232070
emel: lembaga.kaunselor@gmail.com

2.3.2 Keputusan permohonan pendaftaran pembekal latihan akan dimaklumkan dalam masa 14 hari bekerja selepas tarikh permohonan lengkap diterima. Sijil dan nombor pendaftaran akan dikeluarkan kepada pembekal latihan yang berjaya. Fi pendaftaran berjumlah RM250 (Ringgit: dua ratus lima puluh sahaja) akan dikembalikan sekiranya permohonan tidak berjaya.

2.4 Prosedur Permohonan Pembaharuan Pendaftaran Pembekal Perkhidmatan

2.4.1 Setiap permohonan pembaharuan pendaftaran pembekal latihan hendaklah mengikut prosedur berikut:

- i. Menggunakan **Borang LK/CPD 5** yang boleh dimuat turun di portal Lembaga Kaunselor www.lkm.gov.my.
- ii. Borang permohonan perlu disertakan dengan dokumen berkaitan.
- iii. Permohonan hendaklah disertakan dengan Fi Pembaharuan Pendaftaran berjumlah RM300 (Ringgit : tiga ratus sahaja, termasuk fi proses RM50). Pembayaran boleh dibuat kepada Lembaga Kaunselor melalui pindahan wang secara elektronik atau cek syarikat ke akaun Lembaga Kaunselor CIMB 8000273435. Bukti pembayaran fi pembaharuan pendaftaran perlu dikemukakan bersama borang permohonan.
- iv. Permohonan lengkap hendaklah dihantar kepada Lembaga Kaunselor di alamat berikut:

□ Lembaga Kaunselor
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
Aras 19, No. 55, Persiaran Perdana Presint 4
62100 Putrajaya

atau

- Faks: **03-83232070**
- emel: **lembaga.kaunselor@gmail.com**

2.4.2 Keputusan permohonan Pembaharuan Pendaftaran Pembekal Latihan akan dimaklumkan dalam masa 14 hari bekerja selepas tarikh permohonan lengkap diterima. Sijil dan nombor pendaftaran akan dikeluarkan kepada pembekal latihan yang berjaya. Fi pembaharuan pendaftaran berjumlah RM250 (Ringgit : dua ratus lima puluh sahaja) akan dikembalikan sekiranya permohonan pembaharuan pendaftaran tidak berjaya.

3.0 PERAKUAN PROGRAM PERKEMBANGAN PROFESIONAL BERTERUSAN KAUNSELOR BERDAFTAR

3.1 Kategori Program

3.1.1 Program yang dilaksanakan oleh pembekal latihan berdaftar.

3.1.2 Program yang dilaksanakan oleh pembekal latihan tidak berdaftar.

3.2 Syarat-Syarat Bagi Perakuan Program

3.2.1 Program dalam kategori 3.1.1 dan 3.1.2 perlu mendapat perakuan dari Lembaga Kaunselor bagi tujuan penetapan mata PPB.

Permohonan perakuan program hendaklah dibuat kepada Lembaga Kaunselor.

3.2.2 Pembekal latihan hendaklah membuat permohonan kepada Lembaga Kaunselor bagi perakuan program **selewat-lewatnya 14 hari bekerja sebelum tarikh pelaksanaan program.**

3.2.3 Program yang akan diperakuan bagi tujuan pengumpulan mata Program Perkembangan Profesional Berterusan perlu memenuhi kriteria berikut:

- i. Berkaitan dengan bidang kaunseling.
- ii. Bertaraf profesional dan menyumbang kepada kompetensi kaunselor berdaftar.
- iii. Modul/kurikulum program mesti dibangunkan oleh pihak yang benar-benar berkeelayakan dalam bidang kaunseling.

3.2.4 Lembaga Kaunselor boleh untuk tidak memperakuan program yang dicadangkan oleh pembekal latihan sekiranya didapati tidak memenuhi kriteria seperti yang ditetapkan.

3.2.5 Sebarang perubahan terhadap modul/kurikulum yang telah diluluskan tidak boleh dilakukan tanpa kebenaran Lembaga Kaunselor. Sekiranya didapati berlaku ketidakakuran syarat ini, Lembaga Kaunselor berhak membatalkan kelulusan tersebut.

3.2.6 Semua permohonan perakuan program hendaklah disertakan dengan fi seperti yang ditetapkan.

3.2.7 Sijil perakuan program hanya sah untuk tempoh satu (1) tahun dari tarikh kelulusan. Pembekal latihan perlu membuat permohonan perakuan semula selepas tamat tempoh masa yang telah ditetapkan.

3.3 Prosedur Permohonan Perakuan Program

3.3.1 Menggunakan **Borang LK/CPD 2** dan **Borang LK/CPD 2(A)** yang boleh dimuat turun di portal Lembaga Kaunselor www.lkm.gov.my.

3.3.2 Permohonan perlu disertakan dengan fi perakuan program seperti berikut:

i. **Program berbayar** yang dilaksanakan oleh **Pembekal Latihan Berdaftar** adalah seperti yang dinyatakan di bawah (fi berjumlah RM50 (Ringgit: lima puluh sahaja) akan dikenakan sebagai yuran proses. Sekiranya program tidak diperakukan, baki setelah ditolak yuran proses akan dikembalikan).]

Program 1 hari – RM75

Program 2 hari – RM150

Program 3 hari – RM200

Program melebihi 4 hari – RM300

ii. Program berbayar yang dilaksanakan oleh Pembekal Latihan Tidak Berdaftar adalah seperti yang dinyatakan di bawah (fi berjumlah RM50 (Ringgit: lima puluh sahaja) akan dikenakan sebagai yuran proses. Sekiranya program tidak diperakukan, baki setelah ditolak yuran proses akan dikembalikan).

Program 1 hari – RM100

Program 2 hari – RM200

Program 3 hari – RM250

Program melebihi 4 hari – RM350

iii. **Program berbayar** yang dilaksanakan oleh Agensi Kerajaan hendaklah mengikut kadar fi yang digunapakai oleh **Pembekal Latihan Berdaftar** untuk perakuan program

iii. **Program bersiri dengan kandungan modul yang sama** akan dikenakan bayaran semakan **sekali sahaja** untuk **tempoh setahun pelaksanaan**. Bagi siri yang akan dilaksanakan bagi tahun seterusnya bayaran semakan perakuan program yang dipohon akan dikenakan.

iv. **Program bersiri dengan kandungan modul yang berlainan** akan dikenakan bayaran semakan bagi setiap siri perakuan program dipohon.

v. **PROGRAM TIDAK BERBAYAR** yang dilaksanakan oleh semua pembekal latihan adalah **PERCUMA**.

vi. Pembayaran boleh dibuat kepada Lembaga Kaunselor melalui pindahan wang secara elektronik atau cek syarikat ke akaun **Lembaga Kaunselor CIMB 8000273435**. Bukti pembayaran fi pendaftaran perlu dikemukakan bersama borang permohonan.

vii. Permohonan lengkap hendaklah dihantar kepada Lembaga Kaunselor di alamat berikut:

Lembaga Kaunselor
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga
dan Masyarakat
Aras 19, No. 55, Persiaran Perdana Presint 4
62100 Putrajaya

atau

Faks: **03-83232070**
 emel: lembaga.kaunselor@gmail.com

3.3.3 Keputusan permohonan perakuan program akan dimaklumkan dalam masa 14 hari bekerja selepas tarikh permohonan lengkap diterima. Jumlah nilai mata PPB yang dibenarkan bagi setiap program yang diperakukan akan dimaklumkan.

3.3.4 Pembekal latihan perlu menandatangani Syarat-Syarat Pembekal Latihan Program Perkembangan Profesional Berterusan Kaunselor Berdaftar (Borang LK/CPD 3).

4.0 FAEDAH PENDAFTARAN SEBAGAI PEMBEKAL LATIHAN DAN PERAKUAN PROGRAM PERKEMBANGAN PROFESIONAL BERTERUSAN YANG DISEDIAKAN

4.1 Pembekal latihan boleh mengiklankan bahawa syarikat berkaitan adalah berdaftar dengan Lembaga Kaunselor bagi tujuan pemberian mata Program Perkembangan Profesional Berterusan Kaunselor Berdaftar.

4.2 Maklumat program yang diperakui oleh Lembaga Kaunselor boleh dimuat naik dalam laman web atau saluran-saluran media Lembaga Kaunselor yang lain.

4.3 Menambah nilai kepada pemasaran program yang akan dianjurkan.

5. PENUTUP

Pendaftaran pembekal latihan dan perakuan program bagi tujuan pelaksanaan sistem pengumpulan mata Program Perkembangan Profesional Berterusan akan dapat melancarkan usaha Lembaga Kaunselor dalam meningkatkan kompetensi serta meningkatkan tahap pengetahuan dan kemahiran profesional kaunselor berdaftar.

Borang LK/CPD 1

Borang Permohonan Pendaftaran Pembekal Latihan

	Borang Permohonan Pendaftaran Pembekal Latihan Program Perkembangan Profesional Berterusan (PPB) Kaunselor Berdaftar
Nama Organisasi	
Nama Pegawai Bertanggungjawab	
Alamat Organisasi	
No. Telefon	
No. Faks	
Alamat emel	
Maklumat/Dokumen 1. Profil Organisasi 2. Sijil Pendaftaran Syarikat/ Perniagaan/ Pertubuhan	

Saya/Kami* mengaku bahawa sebaik pengetahuan dan kepercayaan saya/kami* segala maklumat yang diberikan adalah benar dan betul. Saya/Kami* faham bahawa jika apa-apa maklumat yang diberikan didapati tidak benar dan tidak betul permohonan ini akan ditolak.

(Tandatangan Pemohon)

Cop Rasmi Syarikat/Pertubuhan

Tarikh :

Borang Permohonan Perakuan Program

	<p>Borang Permohonan Perakuan Program Perkembangan Profesional Berterusan (PPB) Kaunselor Berdaftar</p>
<p>Nama Organisasi</p>	
<p>No. Perakuan Pendaftaran (jika berkaitan)</p>	
<p>No. Telefon</p>	
<p>No. Faks</p>	
<p>Alamat emel</p>	
<p>Maklumat Program *sila lengkapkan borang maklumat program (Borang CPD 2A)</p>	

Saya/Kami*mengaku bahawa sebaik pengetahuan dan kepercayaan saya/kami* segala maklumat yang diberikan adalah benar dan betul. Saya/Kami* faham bahawa jika apa-apa maklumat yang diberikan didapati tidak benar dan tidak betul permohonan ini akan ditolak.

(Tandatangan Pemohon)

Cop Rasmi Syarikat/Pertubuhan

Tarikh : _____

Borang Maklumat Program

BI L	PERKARA	PERINCIAN	KEGUNAAN PEJABAT
1.	Nama Program/Aktiviti		
2.	Kategori Pembekal Latihan (Berdaftar/Tidak berdaftar dengan Lembaga Kaunselor)		
3.	Kategori Komponen (Ilmu dan Kemahiran/Amalan)		
4.	Mata CPD yang dipohon (Rujuk kepada kategori komponen yang telah ditetapkan Lembaga)		
5.	Sinopsis bagi: I) Keseluruhan Program II) Setiap slot/sesi /tajuk		
6.	Objektif Program (Sila Senaraikan)		
7.	Aturcara Program (Sila lampirkan)		
8.	Tempoh Program (Hari)		
9.	Penceramah/pembentang I) Resume ringkas II) Surat setuju terima sebagai penceramah		
10.	Brosur Program (Sila lampirkan)		

PENGAKUAN

Saya mengaku dan mengesahkan bahawa semua maklumat yang dinyatakan di atas adalah benar.

Tandatangan Pemohon

Nama Pemohon:

Tarikh:

Catatan:

Sila lengkapkan perkara 1-10 dalam Borang Maklumat Program. Borang yang lengkap sahaja akan diproses.



**Syarat – Syarat Pembekal Perkhidmatan
Program Perkembangan Profesional Berterusan Kaunselor Berdaftar**

Saya.....No.Kad Pengenal.....
Mewakilisyarikat/pertubuhan.....
no.pendaftaran syarikat/pertubuhan.....
beralamat.....

.....
dengan ini bersetuju mematuhi syarat-syarat seperti berikut:

- i. Bersetuju menjelaskan fi yang ditetapkan.
- ii. Tidak mengenakan bayaran yuran tambahan kepada peserta bagi tujuan pemberian mata PPB selain yuran yang telah dilaporkan kepada Lembaga Kaunselor dalam borang permohonan.
- iii. Melaksanakan program mengikut seperti mana yang diperakukan.
- iv. Berintegriti dan beretika dalam mengendalikan program seperti mana yang diperakukan.
- v. Mengemukakan senarai kehadiran kaunselor berdaftar yang disahkan kepada Lembaga Kaunselor selewat-lewatnya sepuluh (10) hari bekerja selepas setiap program dijalankan.
- vi. Membenarkan pemeriksaan kualiti program oleh Lembaga Kaunselor dari semasa ke semasa.
- vii. Lembaga Kaunselor boleh menarik balik perakuan sebagai pembekal perkhidmatan sekiranya melanggar mana-mana syarat yang ditetapkan.

Tandatangan Pembekal latihan)

Cop Rasmi

Tarikh : _____

Borang LK/CPD 5

Borang Permohonan Pembaharuan Pembekal Latihan

	<p style="text-align: center;">Borang Permohonan Pembaharuan Pendaftaran Pembekal Latihan Program Perkembangan Profesional Berterusan (PPB) Kaunselor Berdaftar</p>
Nama Organisasi	
Nama Pegawai Bertanggungjawab	
Alamat Organisasi	
No. Telefon	
No. Faks	
Alamat emel	
Maklumat/Dokumen 1. Profil Organisasi 2. Sijil Pendaftaran Syarikat/ Perniagaan/ Pertubuhan	

Saya/Kami* mengaku bahawa sebaik pengetahuan dan kepercayaan saya/kami* segala maklumat yang diberikan adalah benar dan betul. Saya/kami* faham bahawa jika apa-apa maklumat yang diberikan didapati tidak benar dan tidak betul permohonan ini akan ditolak.

(Tandatangan Pemohon)

Cop Rasmi Syarikat/Pertubuhan

Tarikh : _____